

# Tiga pelabuhan baharu di Melaka

Norafiqah Jamal

**KUALA LINGGI** - Kerajaan Negeri telah mendapat kelulusan untuk membina tiga pelabuhan laut dalam baharu mem-babitkan Pelabuhan Anta-rabangsa Kuala Linggi (KLIP); Pelabuhan Tan-jung Bruas dan Pulau Me-laka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusof berkata dua pelabuhan ba-haru di Pulau Melaka dan

labuhan baharu, pada masa akan datang ia akan memperluaskan lagi bi-dang maritim Melaka," katanya.

Beliau berkata demi-kian pada sidang media selepas mengadakan La-watan Rasmi dan Majlis Ramah Mesra Kerajaan Negeri Melaka Bersama Warga Akademi Laut Ma-laysia (ALAM), Kuala Sun-gai Baru, Masjid Tanah, di sini, 3 Jun lalu.

Hadir sama, Setia-u-saha Kerajaan Negeri, Dato' Azhar Arshad; Exco Kerja Raya, Infrastruktur; Kemudahan Awam dan Pengangkutan negeri Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer dan Tim-balan Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rosli Abdullah serta Ketua Eksekutif ALAM, Ts. Dr. Kapten S Manivannan.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata pembinaan pelabuhan baharu itu ber-tujuan mengimbangi pem-bangunan ekonomi serta kelestarian alam sekitar selain pada masa yang sama mencerminkan fokus Kerajaan Negeri ter-hadap 'Blue Economy'.

"Industri perikanan, tenaga boleh diperbaharu, pelancongan marin serta pemeliharaan biodiversiti



AB Rauf ketika hadir ke Lawatan dan Majlis Ramah Mesra Kerajaan Negeri Melaka Bersama Warga Akademi Laut Malaysia (ALAM) di Kuala Sungai Baru, Masjid Tanah. Foto Iqmal Haqim Rosman

## INFO

### 3 PELABUHAN BAHARU MELAKA

- Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP)
- Pelabuhan Tanjung Bruas
- Pelabuhan Pulau Melaka

Tanjung Bruas dijangka akan memulakan pem-bangunannya pada tahun hadapan, sementara itu KLIP pula sedang dalam proses pembinaan.

"KLIP, Tanjung Bruas dan Pulau Melaka ini adalah antara tiga pe-

laut merupakan antara teras utama dalam usaha ini.

"Manakala terminal kapal persiaran (cruise) antarabangsa dijangka siap sepenuhnya pada tahun depan bagi memu-dahkan kemasukan pelancong melalui kapal

persiaran, yang telah ber-labuh di Melaka sejak Mac lalu," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Ab Rauf me-maklumkan, bagi meran-cakkan lagi industri pelancongan maritim di Melaka, dua Memorandum Persefahaman (MoU)

telah dimeterai pada Pameran Udara dan Mari-tim Antarabangsa Lang-kawi 2025 (LIMA'25), baru-baru ini.

"Antara yang dimete-rai termasuk pembang-unan Limbungan Enrique of Malacca, iaitu pelabu-han moden yang bakal

membuka peluang peker-jaan dan pelaburan mari-tim baharu.

"Pembangunan mes-tilah dijalankan secara les-tari, bukan semata-mata untuk keuntungan hari ini, tetapi untuk diwariskan kepada generasi akan da-tang," katanya.